



## MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR

### IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat negeri Kedah Darul Aman** yang berkelayakan serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

#### **A. JAWATAN**

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM
1	Penolong Akauntan	W29	Kewangan	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,498.00 - 5,678.00
2	Penolong Pegawai Tadbir	N29	Pentadbiran Dan Sokongan	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,493.00 - 5,672.00
3	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U29	Perubatan Dan Kesihatan	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,797.00 - 5753.00
4	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29	Sistem Maklumat	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,549.00 - 5,684.00
5	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP29	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,493.00 - 5,696.00
6	Pembantu Kesihatan Awam	U19	Perubatan Dan Kesihatan	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,360.00 - 4,052.00

7	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,360.00 – 4,052.00
8	Pemandu Kenderaan	H11	Kemahiran	Pelaksana	Kontrak / Tetap	1,218.00 – 2,939.00

**B. SYARAT LANTIKAN :**

**1. PENOLONG AKAUNTAN GRED W29**

- 1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memilih kelayakan seperti berikut :
- (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
Dan
  - (c)
    - (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); **atau**
    - (ii) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); **atau**
    - (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08); **atau**
    - (iv) *Licentiate of The Chatered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08)

## 2. PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); **atau**
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); **atau**
- (iii) Sijil Matrikulasi KPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan  
(Gaji permulaan ialah pada gred N29: RM1,493.00); **atau**
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95); **atau**
- (v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (vi) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(i); **atau**  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; **dan**
  - (b) had umur pelantikan :
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang berumur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; **atau**
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; **atau**
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- (vii) Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja yang berkaitan.

### 3. PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29

- (i) Diploma dalam bidang Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).
- (ii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 4. PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29

- (i) Sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29 : RM1,549.00); **atau**
- (ii) Sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. .  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29 : RM1,549.00); **atau**
- (iii) Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29 : RM1,855.00); **atau**
- (iv) Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29 : RM1,929.89); **dan**
- (v) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (vi) **Keutamaan** diberi kepada pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang kerja tugas pembangunan system dan pengaturcaraan.

## 5. PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA KP29

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); **atau**
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); **atau**
- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); **atau**
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,770.95); **atau**
- (v) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,846.15)
- (vi) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pacaindera seperti yang berikut:
  - (a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (b) berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - (c) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
  - (d) mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - (e) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
  - (f) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - (g) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

## 6. PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U19

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19 : RM1,360.00)
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U19 : RM1,418.12)
- (iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 7. PEMBANTU PENGUAT KUASA GRED KP19

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); **atau**
- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); **atau**
- (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,416.40); **atau**
- (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,472.80)
- (v) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pacaindera seperti yang berikut :
  - (a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - (b) berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- (c) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (d) mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (e) lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (f) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (g) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

## 8. PEMANDU KENDERAAN GRED H11

- (i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
  - (b) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P); dan
  - (c) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu

• Lesen D	:	RM1,264.15
• Lesen E/E1/E2	:	RM1,310.30
• Lesen F/H	:	RM1,356.45
• Lesen G/I	:	RM1,402.60

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**C. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**D. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**E. CARA PERMOHONAN**

- i. Pemohon **hendaklah** menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Bandaraya Alor Setar yang boleh didapati dengan **memuat turun** melalui Laman Web Rasmi MBAS di <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/peluang-kerjaya-mbas/>.
- ii. Borang permohonan jawatan yang lengkap diisi beserta dengan salinan dokumen perlu dihantar menggunakan sampul surat berukuran saiz A4 ke alamat:

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR  
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR, KEDAH.**

- iii. Tiada sebarang caj bayaran dikenakan kepada pemohon jawatan MBAS.
- iv. Borang permohonan jawatan boleh diserahkan di kaunter Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 11, Menara MBAS, Jalan Kolam Air, Alor Setar Kedah.
- v. Nama jawatan dan gred yang dipohon hendaklah dinyatakan di kiri sebelah atas sampul surat permohonan.
- vi. Satu borang permohonan jawatan hanya untuk satu jawatan yang dipohon sahaja.
- vii. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen berikut ;
  - Gambar berukuran pasport
  - Kad pengenalan
  - Sijil kelahiran
  - Sijil-sijil persekolahan dan pusat pengajian tinggi
  - Transkrip keputusan peperiksaan
  - Lain-lain dokumen sokongan( sekiranya perlu )**(Salinan Dokumen Tidak Perlu Pengesahan Salinan Sebenar.)**



- viii. Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.
- ix. **Borang permohonan jawatan seperti berikut akan ditolak ;**
- Pemohon tidak memenuhi syarat-syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon.
  - Borang permohonan tidak lengkap diisi oleh pemohon. Pemohon diminta mengisi dengan lengkap semua ruangan yang disediakan pada borang permohonan jawatan MBAS.
- x. Hanya calon-calon yang berjaya dalam tapisan awal akan disenarai pendek untuk sesi ujian dan temuduga. **CALON YANG BERJAYA AKAN DIMAKLUMKAN MELALUI E-MAIL, SURAT ATAU PANGGILAN TELEFON.**
- xi. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- xii. Iklan perjawatan ini boleh dirujuk dengan melayari laman web rasmi MBAS di <https://pbt.kedah.gov.my/index.php/pejuang-kerjaya-mbas/> sepanjang tempoh pengiklanan jawatan.
- xiii. Tarikh Tutup Permohonan : **26 JULAI 2022**